



INFO@KPKM

CUKUP DAN TERJAMIN

PROGRAM JUALAN AGRO RAHMAH YAB PERDANA MENTERI KE BAZAR RAMADAN PUTRAJAYA

Tapak Bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya | 6 April 2023



Pelancaran Program Jualan AGRO RAHMAH dan Penyerahan Pek Kombo Jualan AGRO RAHMAH telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Perdana Menteri juga mengadakan lawatan dan meninjau bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan yang tersedia ada untuk para pengunjung.

Turut hadir, YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Encik Abdul Rashid bin Bahri, Pemangku Ketua Pengarah FAMA dan Encik Noh bin Nik Wan, Pengarah FAMA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain itu, Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup turut menyambut kedatangan YAB Perdana Menteri di Tapak Bazaar Ramadan Presint 3 Putrajaya, sempena Program Jualan Agro Rahmah.



Dengan pendekatan jualan terus dari ladang, peranan orang tengah dapat diminimumkan, dan peladang mendapat pulangan yang lebih lumayan. Selain itu, bahan-bahan makanan juga dijual pada harga yang lebih berpatutan kepada orang awam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), turut serta dalam Program Jualan Agro Rahmah tersebut.



KUNJUNGAN HORMAT NAIB CANSELOR UPM KEPADA YB MENTERI KPKM

Menara LPP, Kuala Lumpur | 5 April 2023

YBhg Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), telah mengadakan kunjungan hormat kepada Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur semalam.

Turut dibincangkan dalam kunjungan itu adalah usaha-usaha UPM membantu mempertingkatkan hasil pertanian dan penternakan dalam negara.

Pihak UPM juga berhasrat memperkasakan empat pelan strategik UPM 2021-2025 bagi menjamin sekuriti makanan negara.

UPM sebagai universiti yang bertunjangkan bidang pertanian sentiasa komited dalam menyokong agenda kerajaan terutamanya memacu sektor agromakanan negara.

KUNJUNGAN HORMAT DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF SERTA PEMAIN INDUSTRI PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Menara LPP, Kuala Lumpur | 6 April 2023

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri KPKM menerima kunjung hormat dari Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof serta pemain industri pertanian dan penternakan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Pembentangan melibatkan beberapa kertas kerja merangkumi pembangunan pelbagai industri bagi memastikan pengukuhan sekuriti makanan negara.

Industri yang diberikan perhatian dalam sesi ini antaranya industri tanaman buah-buahan tempatan, industri ruminan, industri benih dan industri akuakultur.

Kementerian amat mengalu-alukan semua pihak untuk turut sama dalam memastikan agenda negara demi memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara.

KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN EMIR RESEARCH KEPADA YB MENTERI KPKM

Menara LPP, Kuala Lumpur | 3 April 2023

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri KPKM menerima kunjungan hormat dari Datuk Wira Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff, Presiden EMIR Research di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur hari ini.

EMIR Research ialah sebuah badan pemikir bebas yang memberikan tumpuan kepada cadangan dasar strategik berdasarkan penyelidikan yang teliti.

Presiden EMIR Research juga telah membentangkan pelan pembangunan sekuriti makanan untuk dikendalikan secara bersama-sama.

Cadangan yang diberikan untuk membantu memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menjamin sekuriti makanan Negara.

MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA WARGA KPKM SEMENA RAMADAN 1444H

Dewan Serbaguna KPKM | 12 April 2023



PELANCARAN KITBOOK MYSAVEFOOD MARDI BERSAMA PEMUDA GEMA DI BAZAR RAMADAN KG BARU, KUALA LUMPUR

KG. Baru, Kuala Lumpur | 2 April 2023

Kitbook adalah sebuah panduan secara terperinci cara untuk menjalankan MySaveFood di mana-mana bazar seluruh Malaysia.

Projek MySaveFood di Kampung Baru telah berjaya mengumpul sebanyak 173.7 kg makanan dan minuman untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

MARDI selaku penaung program MySaveFood merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Pemuda Gema, rakan strategik SWCorp Wilayah Persekutuan dan juga IKRAM Kuala Lumpur yang turut menyokong usaha ini.

Penghargaan dipanjangkan kepada para sukarelawan MySaveFood yang mengerahkan tenaga untuk menjayakan usaha murni ini.

Semoga rakyat Malaysia cakna akan kepentingan menyelamatkan makanan dan diharap usaha ini diteruskan di lebih banyak bazar.



MAJLIS BERBUKA PUASA YAB PERDANA MENTERI BERSAMA PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN

Kompleks Seri Perdana, Putrajaya | 5 April 2023

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama peladang, penternak, dan nelayan di Kompleks Seri Perdana Putrajaya..

Majlis turut melibatkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Bahagian Kawal Selia FELDA, Jabatan Perdana Menteri (BKSF, JPM).

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan YB Tuan Chan Foong Hin, Ketua Pengarah LPP YBhg Dato' Azulita binti Salim, Timbalan Ketua Pengarah Operasi YBrs. Encik Nik Mohd Shaharil bin Nik Md Hashim, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan YBrs Encik Amir bin Matamin, Pengerusi NAFAS YH Dato Zamri bin Yaakob dan Pengurus Besar NAFAS Encik Muhammad Faris bin Arriffin



KERAJAAN MEMBERI BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI UNTUK MERINGANKAN BEBAN PESAWAH DAN NELAYAN

Putrajaya | 7 April 2023

YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Pembekalan 2023 Bacaan Kali Kedua di Dewan Negara pada 29 Mac 2023 telah mengumumkan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 kepada pesawah dan nelayan.

Pemberian bantuan khas sebanyak RM200 kepada pesawah dan nelayan ini dijangka akan dapat memanfaatkan seramai 240,000 orang pesawah dan 38,500 orang nelayan di seluruh negara. Pengumuman ini membuktikan keprihatinan Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri dalam memastikan nasib pesawah dan nelayan sentiasa terpelihara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang tinggi selaras dengan kerangka visi Malaysia MADANI.

KPKM berharap bantuan yang diberikan ini dapat membantu pesawah dan nelayan dalam membuat persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. KPKM turut menzahirkan komitmen dalam memastikan penyaluran pembayaran bantuan kewangan ini dibuat secara efisien dan teratur.

PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK KPKM

Putrajaya | 12 April 2023

Tradisi memasak dan mengagihkan sebanyak 1,500 pek bubur lambuk untuk dikongsi bersama-sama dengan warga Kementerian diteruskan menerusi penganjuran Program Agihan Bubur Lambuk yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di perkarangan Wisma Tani, Putrajaya.

Bubur lambuk merupakan hidangan simbolik dan ia menjadi juadah kegemaran rakyat Malaysia khususnya pada bulan Ramadan selain ia juga menjadi juadah yang sihat dan seimbang untuk berbuka puasa.

Justeru, inisiatif dan kerjasama bersepadu antara Kelab Kebajikan dan Sukan KPKM atau lebih dikenali sebagai Kelab Tani bersama-sama PUSPANITA Cawangan KPKM dan pihak Agrobank telah melaksanakan Program Agihan Bubur Lambuk bagi diagihkan kepada warga Kementerian.

Pelaksanaan program agihan bubur lambuk itu merupakan wadah untuk memupuk semangat kebersamaan dalam satu pasukan selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian.



FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA

Dataran Presint 3, Putrajaya | 12 April 2023

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tahun ini telah menyertai Festival Ramadan Putrajaya pada 23 Mac hingga 21 April 2023, sepanjang bulan Ramadan, dari jam 12.00 tengahari hingga 12.00 tengah malam, di Dataran Presint 3, Putrajaya.

Penyertaan KPKM dalam Festival Ramadan Putrajaya itu melibatkan seramai 32 usahawan agromakanan di bawah KPKM. Semua usahawan tersebut membawakan produk jualan raya untuk orang awam yang berkunjung di sini seperti beras, biskut raya, kerepek, pes makanan, kordial minuman serta buah-buahan segar seperti nenas, kelapa, limau barli, tembikai dan lain-lain.

Selain itu, Pavilion KPKM turut menawarkan pelbagai informasi berkaitan inisiatif, latihan pertanian dan program-program yang ditawarkan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



MAJLIS PERJUMPAAN DAN PENYERAHAN BANTUAN BANJIR KEPADA GOLONGAN SASAR

Parit Yaani, Yong Peng, Johor | 13 April 2023

YB Datuk Seri Hj Mohamad Sabu, Menteri KPKM telah hadir menyantuni masyarakat Parit Yaani, Yong Peng, Johor dan menyampaikan 2,000 Kit Bantuan Makanan serta Keperluan Diri kepada wakil untuk kesemua mangsa banjir yang terkesan.

Majlis ini turut dihadiri YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan, Ahli Parlimen Sri Gading, YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar, Ahli Parlimen Batu Pahat, Dato' Zahimi Bin Hassan Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian Malaysia dan Encik Mohd Khairuzamri Bin M.Salleh Ketua Pengarah, Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia.



SESI KUNJUNGAN HORMAT KETUA PERANGKAWAN KEPADA YB MENTERI KPKM MENGENAI BANCY PERTANIAN 2024

Wisma Tani, Putrajaya | 17 April 2023

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Perangkawan Negara dan delegasi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Perkara yang dibincangkan bersama adalah mengenai tadbir urus dan pengurusan logistik pelaksanaan Banci Pertanian 2024. Selain itu, DOSM dan KPKM juga sepakat untuk melaksanakan perkongsian data pentadbiran bagi memperkukuh penyediaan rangka banci tersebut.

Hadir sama dalam kunjungan hormat ini adalah YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM, pegawai-pegawai kanan KPKM dan pegawai-pegawai kanan DOSM.



JUALAN KHAS SYAWAL MADANI

Kelana Jaya, Selangor | 15 April 2023

Bagi memberi peluang kepada para pengguna mendapatkan barangan keperluan perayaan Aidilfitri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Jualan Khas Syawal Madani di 113 buah outlet pemasaran FAMA seluruh negara yang terdiri daripada Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS).

Jualan Khas Syawal Madani ini bertujuan bagi memberi peluang kepada usahawan untuk mengadakan jualan semasa musim sambutan Aidilfitri yang mendapat permintaan tinggi daripada para pengunjung.

Selain barangan segar seperti daging, ayam dan sayur-sayuran, pengunjung juga berpeluang untuk mendapatkan bekalan juadah Aidilfitri seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-kuih untuk keperluan hari raya yang turut di jual di outlet pemasaran ini.

KPKM melalui FAMA akan memastikan bekalan di setiap lokasi ini mencukupi dan para pengguna tidak perlu berasa kluatir untuk mendapatkan keperluan.

KPKM memberi jaminan bekalan daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa mencukupi untuk sambutan Aidilfitri. Kita yakin pengguna juga tidak akan menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu kerana persediaan awal menambah bekalan sentiasa dibuat oleh agensi di bawah kementerian.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu menjelaskan kementerian hanya membekal barangan keperluan, manakala pengawalan harga tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Setiap usahawan di outlet pemasaran FAMA hendaklah mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2023 yang telah dikeluarkan oleh pihak KPDN.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu turut menyampaikan sumbangan kepada 40 orang anak yatim dan mengagihkan makanan tradisi kepada para pengunjung. Turut diadakan jualan produk usahawan Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), jualan produk Agromas dan promosi jualan di portal Agrobazaar Online.

Turut hadir Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM, Encik Abdul Rashid bin Bahri, Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Puan Rosilawati binti Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA, dan Puan Aiada binti Abdul Rashid, Pengarah FAMA Negeri Selangor.



JUALAN AGRO MADANI TAWAR PENJIMATAN SEHINGGA 30 PERATUS

Klang, Selangor | 16 April 2023

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan kerjasama jabatan dan agensi dibawahnya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan usahawan-usahawan tani telah menganjurkan Jualan Agro Madani di 10 lokasi sekitar negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dengan fokus untuk memberi pilihan kepada pengguna yang memerlukan di kawasan tersebut untuk mendapatkan bekalan makanan pada harga yang berpatutan.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melancarkan Jualan Agro Madani dan program itu akan diteruskan di sembilan lokasi lain sehingga pertengahan tahun ini.

Jualan Agro Madani merupakan projek rintis berkonsepkan jualan pada harga berpatutan berfokuskan kepada pengguna yang memerlukan dan ia juga platform dalam menyediakan ketersediaan dan akses kepada para pengguna dalam mendapatkan barangan keperluan dan seterusnya memberi ruang pasaran kepada usahawan.

Melalui program ini, komoditi jualan diperluaskan meliputi produk segar dan barang kawalan dengan penjimatan 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat bagi komoditi terpilih. Antara fokus lokasi melalui jualan Agro Madani adalah di outlet peruncitan agensi di bawah KPKM, Projek Perumahan Rakyat (PPR), kawasan perumahan, kawasan miskin bandar dan pinggir bandar.

Program jualan ini dilihat sebagai salah satu program *quick win* KPKM dalam membantu para pengeluar memasarkan produk secara terus kepada pengguna dan secara langsung dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama dalam komponen makanan melalui harga penjimatan yang ditawarkan, tambah Mohamad.

Sasaran nilai jualan sebanyak RM150,000 bagi 10 kali penganjuran Jualan Agro Madani dan dijangkakan seramai 5,000 pengunjung hadir untuk menikmati penjimatan sebanyak RM45,000.

Keistimewaan program ini adalah jualan barangan pertanian segar terpilih dengan harga penjimatan sehingga 30 peratus seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur, ikan, gula, minyak dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga promosi Kombo Madani-Jualan Berpakej pada harga istimewa serta penyertaan jualan dari pengilang dan pemproses produk agromakanan.

Terdahulu Mohamad menyampaikan sumbangan berupa Kit Makanan Semarak Madani kepada 30 orang golongan asnaf beserta beberapa sumbangan lain daripada KPKM dan juga usahawan FAMA. Beliau juga beramah mesra bersama pengunjung dan usahawan bimbingan agensi di bawah KPKM. Turut hadir Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan Encik Abdul Rashid bin Bahri, Pemangku Ketua Pengarah FAMA.



PROGRAM KARNIVAL JUALAN AIDILFITRI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN 2023

Putrajaya | 17 April 2023

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan KPKM, Kelab Tani dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah berkerjasama bagi menganjurkan Karnival Jualan Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) 2023 di Wisma Tani.

Program kerjasama ini merupakan aktiviti tradisi KPKM yang bertujuan untuk membekalkan keperluan dan kelengkapan hari raya menjelang Aidilfitri yang bakal disambut, bukan sahaja kepada warga KPKM namun terbuka untuk seluruh warga Putrajaya.

Bersempena penganjuran karnival ini peniaga terpilih turut menawarkan potongan harga bagi produk segar dengan harga lebih rendah, antaranya jualan ayam segar pada harga RM9/kg, daging segar RM35/kg, telur gred B pada harga RM 12.50 sepapan dan Kombo Madani sayur-sayuran dengan harga RM5 bagi setiap pek semasa aktiviti jualan *Happy Hour*. Turut diadakan pemberian kupon membeli belah berjumlah antara RM5 sehingga RM20 kepada pengunjung bertuah.

Karnival dirasmikan oleh Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, bersama Datin Wan Razanawani Wan Zakaria, Pengerusi PUSPANITA cawangan KPKM. Hadir sama Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan, Presiden Kelab Tani yang juga Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Puan Rosilawati Abu Hassan, Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Pada hari ke-2 Karnival Jualan Aidilfitri KPKM, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, KSU KBS telah hadir mengunjungi karnival ini bersama-sama pegawai-pegawai kanan KBS. Kunjungan beliau telah disambut oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, KSU KPKM bersama-sama pegawai-pegawai kanan KPKM dan pihak urus setia.

Di antara aktiviti menarik yang diadakan sepanjang karnival ini adalah jualan *Happy Hour* iaitu biskut raya dan kerepek dengan harga runtuh, Bakul Kombo Madani berharga RM35 dijual dengan harga RM25 yang mengandungi ayam, sayur dan sebagainya serta jualan Q-Fish berharga RM10 dijual dengan harga RM5.00.

Karnival ini juga menerima kunjungan daripada YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri KBS yang turut menyampaikan hadiah kepada pengunjung bertuah.



JUALAN RIANG RAYA JABATAN PERTANIAN

Putrajaya | 17 April 2023

Bahagian Pengembangan Pertanian menganjurkan Promosi Jualan Riang Raya Jabatan Pertanian 2023 di Wisma Tani selama tiga hari bermula pada 17 April lalu.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan produk-produk usahawan bimbingan Jabatan Pertanian dan membekalkan keperluan serta kelengkapan hari raya Aidilfitri yang bakal disambut meriah, bukan sahaja kepada warga KPKM namun terbuka untuk seluruh warga Putrajaya.

Bersempena program ini peniaga terpilih turut menawarkan potongan harga bagi produk segar dengan harga Rahmah kepada pengunjung.

Promosi Jualan Riang Raya diserikan dengan kehadiran Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, dan Dato' Zahimi Hassa, Ketua Pengarah Pertanian, Johari Abdullah, Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian, serta pengurusan tertinggi Jabatan Pertanian.



JUALAN KHAS SYAWAL MADANI MENJAMIN KETERSEDIAAN BEKALAN AGROMAKANAN BAGI SAMBUTAN AIDILFITRI

Alor Gajah, Melaka | 18 April 2023

Jualan Khas Syawal Madani merupakan platform dalam menyediakan ketersediaan dan akses kepada para pengguna dalam mendapatkan barangan keperluan khususnya bagi sambutan aidilfitri yang mendapat permintaan tinggi daripada kalangan pengunjung dan seterusnya memberi ruang pasaran tambahan kepada usahawan. Secara keseluruhan FAMA menasaskan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM13 juta yang melibatkan 113 outlet pemasaran bagi jualan khas Syawal Madani pada tahun ini.

Sehingga 16 April lepas, sejumlah RM4.5 juta nilai jualan telah direkodkan dengan melibatkan penyertaan seramai 1,462 orang usahawan menerusi penganjuran Syawal Madani di 38 lokasi outlet-outlet pemasaran FAMA seluruh negara.

Pelbagai jenis produk pertanian segar dan agromakanan boleh didapati seperti sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ayam, telur dan lain-lain. Juga terdapat jualan produk proses seperti produk keluaran Agromas, produk berasaskan industri makanan dan asas tani.



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KPKM KE SYARIKAT KEN FARM SDN. BHD.

Merlimau, Melaka | 1 April 2023

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan melawat ke Syarikat Ken Farm Sdn. Bhd. yang mengusahakan ternakan Udang Harimau di Merlimau, Melaka.

Syarikat ini mempunyai 12 buah kolam dengan saiz kolam 0.5 hektar sehingga 1.2 hektar. 10 kolam adalah kolam ternakan manakala satu kolam rawatan dan satu kolam takungan air. Jenis sistem/teknologi yang digunakan adalah Sistem RAS dan Kolam Air Payau. Kapasiti Pengeluaran sebanyak 4.5 tan metrik sebulan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, YBhg Dato' Haji Azahari bin Haji Othman, Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur dan Encik Mohd Fauzi bin Salehon, Pengarah Perikanan Negeri Melaka.



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KPKM KE PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA

Ayer Keroh, Melaka | 1 April 2023

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melawat ke Perbadanan Bioteknologi Melaka untuk membuat Projek Ternakan Udang Secara Teknologi Recirculating Aquaculture System (RAS).

Projek Ternakan Udang secara RAS ini merupakan satu projek ternakan berteknologi tinggi, selamat dan zero waste.

Kelebihan teknologi RAS ini adalah mengurangkan kadar menghidap penyakit semasa ternakan, meningkatkan kadar hidup udang semasa ternakan, mengurangkan kadar menukar air (pencemaran air), meningkatkan kadar ternakan tahunan daripada dua kali setahun kepada lima kali setahun atau enam kali maksimum (dengan bantuan nurseri), menggunakan kawasan yang kecil bagi mendapatkan hasil ternakan dengan densiti yang lebih tinggi.

Dalam lawatan ini, YB Timbalan Menteri telah diberikan taklimat ringkas tentang projek tersebut. Turut hadir sepanjang lawatan tersebut adalah, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, YBhg Dato' Haji Azahari bin Haji Othman, Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur dan Encik Mohd Fauzi bin Salehon, Pengarah Perikanan Negeri Melaka.

TAKLIMAT LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KEPADA TIMBALAN MENTERI KPKM

Menara LPP, Kuala Lumpur | 3 April 2023

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan ke Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi mendapatkan maklumat peranan dan sumbangan LPP dalam sektor agromakanan Negara.

Dato' Azulita binti Salim, Ketua Pengarah LP telah menyampaikan taklimat mengenai strategi pengoperasian dan intervensi LPP dalam projek pertanian dan penternakan (ruminan, unggas, ternak air) yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan di seluruh Negara kepada YB Tuan Chan Foong Hin.

Turut hadir, YBrs Encik Nik Mohd Shaharil bin Nik Md Hashim, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, YBrs Encik Amir bin Matamin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan dan pengarah-pengarah bahagian Ibu Pejabat LPP.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH DUTA BESAR REPUBLIK KOREA DI MALAYSIA KE ATAS TIMBALAN MENTERI KPKM

Wisma Tani, Putrajaya | 12 April 2023

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Yeo Seung-Bae, Duta Besar Republik Korea di Malaysia pada 12 April 2023 di Wisma Tani, Putrajaya.

Pertemuan ini bagi membincangkan usaha kedua-dua negara untuk memperkukuhkan kerjasama dan perdagangan dua hala dalam bidang pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Republik Korea telah menyatakan ketersediaan untuk memberikan kerjasama dalam pemindahan teknologi dan pembangunan pertanian pintar di Malaysia.

Turut hadir, Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan pegawai-pegawai kanan KPKM



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN GLAMI LEMI

Glami Lemi Negeri Sembilan | 13 April 2023

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengadakan lawatan kerja ke Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Glami Lemi yang terletak di Negeri Sembilan.

YB Timbalan menteri telah diberikan penerangan sepanjang lawatan tersebut mengenai peranan IPP Glami Lemi. FRI Glami Lemi merupakan institut yang mengeluarkan kajian dalam pelbagai bidang berkaitan perikanan air tawar negara.

Selain itu, YB Timbalan Menteri turut dibawa ke reruai pameran produk yang dihasilkan oleh FRI Gkemi Lemi.

Turut hadir, YBrs. Dr. Azhar bin Hamzah, Pengarah Kanan Institut Penyelidikan Perikanan, YBhg Dato' Haji Azahari bin Haji Othman, Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, En. Nazri bin Ishak, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bersama En. Kasim bin Tawe, Pengarah Perikanan Negeri Sembilan.



LAWATAN KERJA KSU KPKM KE LADANG TERNAKAN RUKAMBU SDN BHD

Yan, Kedah | 8 April 2023

Lawatan Kerja YBhg Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM ke Ladang Ternakan Rukambu Sdn. Bhd. yang terletak di Yan, Kedah.

Rukambu sdn. bhd. menjalankan projek penternakan pembiak baka kambing baka Shami bermula pada tahun 2017 dan projek penternakan pembaka ayam menggunakan baka Ayam Jerai yang bermula pada tahun 2018.

Perusahaan ternakan itu diuruskan oleh En. Nasrullah Mujaddidi bin Md Zaini, 32 tahun yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pertanian Sains Haiwan, dari Universiti Putra Malaysia.

Jumlah populasi ternakan beliau adalah sebanyak 800 ekor induk betina kambing baka Shami dan 2000 ekor ayam pembaka dari baka Ayam Jerai.

Turut hadir dalam lawatan itu ialah YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr. Shaharul Akmar bin Talib, Pengarah DVS Kedah, Pegawai-pegawai daripada MARDI dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Yan, Kedah.



LAWATAN KERJA KSU KPKM KE PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PADI MARDI PULAU PINANG

MARDI Seberang Perai, Pulau Pinang | 9 April 2023

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM, telah meluangkan masa mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi Padi (Centre of Excellence Inoc@MARDI) MARDI Seberang Perai, Pulau Pinang.

Datuk KSU KPKM turut diberikan taklimat oleh Ketua Pengarah MARDI, YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkenaan penyelidikan padi oleh MARDI khususnya penghasilan varieti padi baharu dan gen bank padi.



LAWATAN PELAJAR UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR) KE BDC NEXUS, WISMA TANI KPKM

Putrajaya | 18 April 2023



SESI LIBAT URUS BEKALAN AYAM DAN TELUR DI MUSIM PERAYAAN

Putrajaya | 15 April 2023

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan Sesi Libat Urus Bekalan Ayam dan Telur di Musim Perayaan pada 15 April 2023 di Wisma Tani, Putrajaya.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KPKM bersama penternak, pemborong, peruncit dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM).

Sebanyak 17 buah syarikat terdiri daripada penternak, pemborong dan peruncit yang menghadiri sesi libat urus ini antaranya Lay Hong Berhad, Huat Lai Resources, Dindings Tyson, Mydin, AEON, Econsave dan Lotus

Sesi libat urus itu diadakan bertujuan mendapatkan semua pandangan dan jaminan dari semua

pemegang taruh dalam rantaian industri ayam dan telur bagi memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

KPKM sentiasa bersedia untuk terus mengadakan sesi libat urus secara terbuka dengan persatuan dan pemain industri bagi mencari jalan penyelesaian bersama serta memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi selaras dengan keperluan rakyat Malaysia.

Dalam masa yang sama, KPKM akan memastikan langkah intervensi daripada FAMA sekiranya terdapat laporan atau aduan bagi berkenaan kekurangan bekalan ayam dan telur dalam pasaran.

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023 KEPADA PESAWAH DAN NELAYAN

Bayaran LAYAK diberikan kepada:

- Warganegara
- Pesawah yang terlibat dalam aktiviti penanaman padi pada tahun 2022 dan berdaftar dengan agensi yang dilantik oleh Kerajaan
- Nelayan laut
- Nelayan darat

Nelayan laut yang aktif menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan berdaftar dengan agensi yang dilantik oleh Kerajaan

Nelayan darat yang aktif menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan berdaftar dengan agensi yang dilantik oleh Kerajaan

Penyaluran bantuan kepada pesawah dan nelayan yang LAYAK

RM200 seorang mulai 10 April 2023

di mana akan dapat memanfaatkan sebanyak 200,000 orang pesawah dan 75,000 orang nelayan di seluruh negara

MALAYSIA MADANI

www.maf.gov.my @mafmalaysia

JUALAN AGRO MADANI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PENGENALAN

- Projek Jualan Agro Madani adalah projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk meningkatkan pendapatan petani dan nelayan.
- Projek ini dijalankan di seluruh negara.
- Projek ini dijalankan di seluruh negara.
- Projek ini dijalankan di seluruh negara.

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan "Accessibility" dan "Availability" bagi membolehkan pengguna mendapatkan produk segar dengan harga yang munafik dan berbaloi.
- Meningkatkan pendapatan petani dan nelayan.
- Meningkatkan pendapatan petani dan nelayan.

"Sekuriti Makanan Negara JIKA TERGANGGU, KAMI ADA"

MALAYSIA MADANI

www.kpk.gov.my @kpkmalaysia

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023 KEPADA PESAWAH DAN NELAYAN

Sila hubungi pihak KPKM dan Jabatan/Agensi KPKM seperti berikut:

Bilik Gerakan Bantuan Khas Kawang Aidilfitri KPKM:

03-8870 1759 / 1760 / 1761

Jabatan Perikanan Malaysia (DOP):

03-8870 4422 / 4475

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP):

03-2610 9664

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM):

03-8064 9303

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA):

04-772 8255

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA):

09-745 5388 samb. 5432

MALAYSIA MADANI

www.maf.gov.my @mafmalaysia

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
DATUK LOKMAN HAKIM ALI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KETUA EDITOR:
MOHAMMAD
EZRI BIN
SHAMSUDDIN

EDITOR:
SALMAH BINTI
RAMLI
NURIL
MUTMAINNAH
BINTI ROSLAN

PENULIS:
SARI NOR
AMRIYAH BINTI
MUHAMMAD ISA
NABILLAH BINTI
ZAMRI

GRAFIK:
NABILLAH
BINTI
ZAMRI

JURU FOTO:
MOHD NAJIB BIN
ABDUL JABAR
MOHAMAD YASIN
BIN JAMAL

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, KPKM